Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000
W: www.skmm.gov.my

# Kenyataan Media
Press Release

**Untuk Siaran Segera**

**SKMM: PASANGAN PERSENDA RAMADAN DIJANGKA TAMPIL BERI KETERANGAN ESOK**

**Kuala Lumpur: 14 Julai, 2013** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah memanggil pasangan yang mempersendakan bulan Ramadan dengan memuat naik gambar yang menyentuh sensitiviti rakyat Malaysia, khususnya umat Islam, di laman Facebook mereka.

Pengerusi SKMM, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi mengesahkan bahawa kedua-dua individu, Alvin Tan dan Vivian Lee, telah dipanggil untuk merakamkan kenyataan mereka dan membantu siasatan.

"Kami telah memanggil pasangan tersebut. Mereka dijangka hadir di pejabat penguatkuasaan SKMM esok," kata Dato 'Sharil.

Pasangan itu memaparkan gambar di laman Facebook kononnya mereka sedang menikmati makanan yang tidak halal dengan kapsyen "Selamat berbuka puasa dengan Bak Kut Teh... Wangi, enak dan menyelerakan!"

Dalam kes berasingan di laman Facebook yang lain yang mempersenda bulan Ramadan dengan menyiarkan iklan gambar babi panggang dengan cap Logo Halal, Dato' Mohamed Sharil berkata bahawa pemilik akaun tersebut bukan rakyat Malaysia dan tidak bermastautin di negara ini.

"Kami telah melaporkan perkara ini kepada Facebook dan meminta mereka untuk menyekat laman berkenaan atau memadam akaun tersebut," jelas Dato' Mohamed Sharil.

Pengerusi SKMM itu juga menasihati orang ramai supaya segera melaporkan kepada Facebook melalui ‘onboard tab’, jika mereka menjumpai mana-mana paparan yang menghina kesucian Islam.

Pengguna Facebook juga dinasihatkan untuk tidak berkongsi paparan atau foto yang menyinggung perasaan untuk mengelakkan ianya daripada tersebar dan melukakan perasaan orang lain.

"Sebagai rakyat Malaysia, marilah kita menghormati bulan Ramadan dan rakan-rakan kita yang beragama Islam. Kita perlu sentiasa bertanggungjawab ke atas semua tindakan

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

kita di dalam talian serta lebih peka terhadap sensitiviti orang lain terutamanya mengenai isu-isu agama. Sila berhenti dan berfikir sejenak sebelum kita berkongsi apa-apa maklumat di dalam talian," pesan Dato' Mohamed Sharil.

**For Immediate Release**

**MCMC: COUPLE WHO MOCKED RAMADAN EXPECTED TO RECORD STATEMENT TOMORROW**

**Kuala Lumpur: 14 July 2013** --- The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) has called the couple who mocked Ramadan by uploading a photo on their Facebook page that touched the sensitivity of Malaysians, especially Muslims.

MCMC Chairman, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi confirmed that the two individuals, Alvin Tan dan Vivian Lee, have been called to record their statements and assist in investigations.

"We have called the couple. They are expected to be present at MCMC enforcement office tomorrow," said Dato' Mohamed Sharil.

The couple posted a Facebook photo purportedly of them enjoying non-halal food with the caption "Happy Iftar with Bak Kut Teh... Fragrant, tasty and sumptuous!"

In a separate case on another Facebook page which mocked Ramadan by posting a photo advertisement of a suckling pig with a Halal Logo stamp, Dato' Mohamed Sharil said that the account owner appeared to be non-Malaysian and not domiciled in Malaysia.

"We have already reported this to Facebook and requested them to take down the offending page or delete the account," explained Dato' Mohamed Sharil.

The MCMC Chairman also advised the public to immediately report to Facebook via their onboard tab if they find any posting which insulted the sanctity of Islam.

Facebook users are also advised not to share any offending post or photo to prevent it from becoming viral and causing hurt to other citizens.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

# Kenyataan Media
Press Release

"Let us as Malaysians respect the month of Ramadan and our fellow Muslims. We should always be responsible for all our actions online as well as the sensitivities of others particularly on religious issues. Please take a step back and think before we share anything online," reminded Dato' Mohamed Sharil.

[END]

**Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**
SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman
Penasihat dan Ketua Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Markus Lim
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: ccd@cmc.gov.my